

**PENEROKAAN VIDEO PENCERITAAN DIGITAL
DALAM MENINGKATKAN AMALAN
MEMBACA DAN KEMENJADIAN
MURID**

JUNAINAH BINTI ABDUL JALEL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

**PENEROKAAN VIDEO PENCERITAAN DIGITAL DALAM MENINGKATKAN
AMALAN MEMBACA DAN KEMENJADIAN MURID**

JUNAINAH BINTI ABDUL JALEL

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (TEKNOLOGI
INSTRUKSIONAL)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRI**



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوتوپسي ائنديدان سلطان ادرس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tandak (✓) /
Kertas Projek
Sajawa Penyelidikan
Sajawa Penyelidikan dan Kerja-Kamus
Doktor Falsafah

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 9 Januari 2024

i. Perakuan Pelajar:

Saya, JUNAINAH BINTI ABDUL JALEL, M20211000361 FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk PENEROKAAN VIDEO PENCERITAAN DIGITAL DALAM MENINGKATKAN AMALAN MEMBACA DAN KEMENJADIAN MURID adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejujurnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya Dr. Syaza Hazwani binti Zaini dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENEROKAAN VIDEO PENCERITAAN DIGITAL DALAM MENINGKATKAN AMALAN MEMBACA DAN KEMENJADIAN MURID dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (TEKNOLOGI INSTRUKSIONAL) (MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

22 Februari 2024

Tarikh

DR. SYAZA HAZWANIBINTI
PENYELIA
Jabatan Pengajian, Pendidikan
Pembelajaran, Penyelidikan dan
Kerjasama Antarabangsa
Institut Pengajian Siswazah
UPSI, 34100 Teluk Anson, 34100

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENEROKAAN VIDEO PENCERITAAN DIGITAL DALAM MENINGKATKAN AMALAN MEMBACA DAN KEMENJADIAN MURID
No. Matrik / Matric's No: M2021 1000361
Saya / I: RUNAINAH BINTI ABDUL JALEL

mengaku membenarkan Disertasi (Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut-
acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi. *The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

- SULIT/CONFIDENTIAL** Mengandungi maklumat yang berdayah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rangsang 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
- TERHAD/RESTRICTED** Mengandungi maklumat terhad yang telah dirahsiakan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*
- TIDAK TERHAD/ OPEN ACCESS**



(Tandatangan Pelajar / Signature of Student)
Tarikh/Date: 22 February 2024



(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

DR. SYAZLA HADYARIZAH
Penyelia Peminatan
Pusat Penyelidikan Pendidikan
Fakulti Pendidikan dan Sains
Universiti Pendidikan Sultan Idris
10170 Tapah, Perak, Malaysia

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkaitan/bekas organisasi berkaitan dengan permohonan ini, untuk tujuan kegunaan akademik.
Note: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya disertasi ini dapat disiapkan dengan jayanya. Bersyukur bukan hanya sebatas ucapan Alhamdulillah namun, pengalaman yang dilalui sepanjang perjalanan sehingga ke tahap ini adalah sangat bermakna.

Setinggi ucapan terima kasih buat penyelia Dr. Syaza Hazwani binti Zaini yang telah memberi bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang menjalankan kajian ini. Tanpa teguran dan kritikan, disertasi ini tidak dapat dihasilkan dengan baik.

Buat insan teristimewa iaitu suami, Mat Nizam bin Mohd. Sidek, terima kasih atas segala pengorbanan dan sokongan yang tidak pernah berbelah bahagi diberikan sepanjang proses penghasilan disertasi ini. Terima kasih kerana memahami dan sentiasa ada di setiap penjuru perjalanan ini. Buat anak-anak, Haziq Muzaffar, Hanis Arissa dan Hazril Iskandar. Terima kasih atas segala kegembiraan yang memberikan warna warni dan kuat untuk menempuh segala ujian untuk kita hadapi bersama-sama.

Tidak lupa buat abah dan mak, Hj Abdul Jalel bin Ahmad dan Hj Kamariah binti Abdul Hamid yang tidak putus berdoa agar segalanya dipermudahkan. Doa mak dan abah sentiasa ada mengiringi perjalanan ini.

Akhir sekali tidak lupa buat semua pensyarah UPSI yang memberi tunjuk ajar sepanjang pengajian di UPSI.



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk meneroka Video Penceritaan Digital dalam meningkatkan amalan membaca dan kemenjadian murid. Objektif kajian ini adalah meneroka kesesuaian kandungan Video Penceritaan Digital dalam meningkatkan amalan membaca dan kemenjadian murid, mengenalpasti samada Video Penceritaan Digital dapat meningkatkan amalan membaca dan meneroka kemenjadian murid dari aspek kemahiran komunikasi. Reka bentuk kualitatif dan jenis kajian kes ini menggunakan kaedah analisis dokumen, temu bual dan pemerhatian dan juga deskriptif. Seramai sebelas orang responden yang terdiri daripada seorang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Sektor Sumber Teknologi dan Pendidikan), lima orang guru dan lima orang murid. Data dianalisis dalam bentuk analisis tematik menerusi kaedah analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kandungan Video Penceritaan Digital haruslah sesuai dari segi elemen multimedia yang baik, tidak keterlaluan serta bersesuaian dengan kognitif murid-murid sekoah rendah. Video Penceritaan Digital dapat meningkatkan amalan membaca bahan digital melalui aktiviti galakan membaca dan Program NILAM yang dijalankan di sekolah. Selain itu, Video Penceritaan Digital dapat melahirkan kemenjadian murid iaitu murid lebih yakin menyuarakan pendapat dan berani ke hadapan dalam membiacarakan pendapat masing-masing. Murid-murid juga berpeluang mengembangkan potensi diri dengan yakin menyampaikan cerita yang ditonton bersama rakan-rakan. Implikasinya, kajian ini dapat memberikan satu pendekatan yang baharu kepada trend membaca murid-murid ke arah bahan digital yang lebih menarik dan penghasilan video yang berkualiti dalam perspektif pendidikan di Malaysia..



DIGITAL STORYTELLING VIDEO EXPLORATION IN IMPROVING READING PRACTICE AND STUDENT DEVELOPMENT

ABSTRACT

This study was conducted with the aim of exploring Digital Storytelling Videos in improving students' reading practice and development. The objective of this study is to explore the appropriateness of Digital Storytelling Video content in improving students' reading practice and development, identifying whether Digital Storytelling Videos can improve reading practice and explore students' development from the aspect of communication skills. Qualitative design and this type of case study uses document analysis, interview and observation as well as descriptive methods. A total of eleven respondents consisting of an Education Service Officer (Technology and Education Resources Sector), five teachers and five students. The data was analyzed in the form of thematic analysis through the content analysis method. The findings of the study show that the content of the Digital Storytelling Video should be suitable in terms of good multimedia elements, not excessive and compatible with the cognitive skills of primary school students. Digital Storytelling Videos can improve the practice of reading digital materials through reading encouragement activities and the NILAM Program conducted in schools. In addition, Digital Storytelling Video can give birth to students, that is, students are more confident in voicing their opinions and boldly forward in communicating their respective opinions. Students also have the opportunity to develop their potential by confidently presenting the stories they watch with their friends. The implication is that this study can provide a new approach to the students' reading trend towards more interesting digital materials and the production of quality videos in the perspective of education in Malaysia.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pendahuluan	1
1.3 Latar Belakang Kajian	4
1.4 Pernyataan Masalah	8
1.5 Objektif Kajian	14
1.6 Persoalan Kajian	14
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	15
1.8 Definisi Operasional	16
1.8.1 Amalan Membaca	17

1.8.2	Program NILAM	17
1.8.3	Video Penceritaan Digital	18
1.8.4	Kemenjadian Murid	19
1.8.5	Kemahiran Komunikasi	20
1.9	Batasan Kajian	21
1.9.1	Batasan Kajian Dari Aspek Kaedah Kajian	22
1.9.2	Batasan Kajian Dari Aspek Pensampelan	22
1.9.3	Batasan Kajian Dari Aspek Lokasi Kajian	22
1.9.4	Batasan Kajian Dari Aspek Pelaporan Kajian	23
1.9.5	Batasan Kajian Dari Aspek Video Penceritaan Digital	23
1.10	Kepentingan Kajian	24
1.10.1	Bidang Teknologi Instruksional	24
1.10.2	Pihak Kementerian dan Badan Kerajaan	25
1.10.3	Sektor Swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO)	26
1.10.4	Pihak Sekolah	27
1.10.5	Ibu Bapa	27
1.11	Rumusan	28

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	29
2.2	Program NILAM	29
2.2.1	Sejarah Program NILAM	30
2.2.1.1	NILAM Ditambah baik	32
2.2.1.2	NILAM Nafas Baharu	38
2.2.1.3	Penerimaan Program NILAM	39

2.3	Amalan Membaca	41
2.4	Video Penceritaan Digital	44
2.4.1	Definisi Video Penceritaan Digital	45
2.4.2	Sejarah Video Penceritaan Digital	46
2.4.3	Penceritaan Digital Adalah Teknologi dalam Instruksional	47
2.5	Kemenjadian Murid	51
2.5.1	Definisi Kemenjadian Murid	55
2.5.2	Kemenjadian Murid Dalam Aspek Komunikasi	56
2.6	Teori-teori 7ang Berkaitan	61
2.6.1	Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer	61
2.6.1.1	Pemerolehan Pembelajaran Bermakna	62
2.6.2	Model <i>Taksanomi Bloom</i>	66
2.6.3	Teori Kecerdasan Pelbagai	69
2.6.4	Teori Behaviorisme	71
2.6.4.1	Teori Pelaziman Operan B. F Skinner	71
2.7	Rumusan	72
BAB 3 METODOLOGI		
3.1	Pengenalan	74
3.2	Lokasi kajian	74
3.3	Reka Bentuk Kajian	75
3.4	Responden Kajian	77
3.5	Instrumen	80
3.6	Prosedur Pengumpulan Data.	83
3.6.1	Temubual Semi Berstruktur	88
3.6.2	Analisis Dokumen	91

3.6.3	Pemerhatian	91
3.7	Kaedah Analisis Data	92
3.7.1	Analisis Data Temubual	92
3.7.2	Analisis Dokumen	94
3.7.3	Pemerhatian	94
3.7.4	Penilaian Video Penceritaan Digital	95
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	97
3.9	Kajian rintis	99
3.10	Rumusan	100
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	101
4.2	Analisis Data berdasarkan Persoalan Kajian Pertama.	101
4.2.1	Elemen Multimedia	112
4.2.2	Prinsip Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer	123
4.2.3	Video Penceritaan Digital dapat Meningkatkan Amalan Membaca dan Kemenjadian Murid	131
4.2.3.1	Amalan Membaca	133
4.2.3.2	Kemenjadian Murid	135
4.3	Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian Kedua	138
4.3.1	Perancangan dan Laporan Aktiviti Galakan Membaca	140
4.3.2	Program NILAM	149
4.3.3	Video Penceritaan Digital Dapat Meningkatkan Amalan Membaca Bahan Digital	152
4.4	Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian Ketiga	155
4.4.1	Keupayaan Berkomunikasi	158
4.4.2	Bahasa dan Pertuturan	160

4.4.3	Ketokohan Murid	161
4.4.4	Mesej dan nilai dalam cerita	163
4.4.5	Tempoh Penceritaan dan Perkembangan Cerita	164
4.4.6	Kawalan Suara	166
4.5	Rumusan	168
BAB 5 PERBINCANGAN		
5.1	Pengenalan	170
5.2	Ringkasan Kajian	170
5.3	Objektif Kajian Pertama: Meneroka Kesesuaian Kandungan Video Penceritaan Digital dalam Meningkatkan Amalan Membaca dan Kemenjadian Murid	174
5.4	Objektif kajian kedua : Mengenalpasti samada Video Penceritaan Digital dalam meningkatkan amalan membaca atau tidak.	179
5.5	Objektif kajian ketiga : Meneroka kemenjadian murid dari aspek kemahiran komunikasi berdasarkan Video Penceritaan Digital	182
5.6	Implikasi Kajian	186
5.6.1	Implikasi Metodologi	186
5.6.2	Implikasi kepada Polisi dan Amalan	187
5.7	Implikasi Teori	190
5.8	Cadangan Kajian Lanjutan	195
5.9	Kesimpulan	196
RUJUKAN		199
LAMPIRAN		209

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Jadual Pengiktirafan Program NILAM Di Sekolah	31
2.2	Pengiktirafan Rakan Pembaca	32
2.3	Pengiraan Bintang Berdasarkan Mata Ganjaran Bagi Murid Sekolah Rendah	36
2.4	Pengiraan Bintang Berdasarkan Mata Ganjaran Bagi Murid Sekolah Menengah	36
2.5	Pengiraan Bintang Berdasarkan Mata Ganjaran Bagi Murid Pra Diploma (Tingkatan 6 Rendah dan Tingkatan 6 atas)	37
2.6	Pengiraan Mata Ganjaran Bagi Pemberian Bintang kepada Murid-Murid Sekolah Rendah	37
2.7	Pengiraan Mata Ganjaran Bagi Pemberian Bintang kepada Murid-Murid Sekolah Menengah Dan Pra Diploma	38
2.8	Hasil Dapatan Kajian Tentang Kemahiran Komunikasi dan Video Penceritaan Digital	58
2.9	Andaian-andaian Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia	61
3.1	Bilangan Sampel dan Justifikasi Pemilihan Sampel	79
3.2	Jadual Kaedah Kutipan Data dan Instrumen Kajian	82
3.3	Peringkat Prosedur Kajian Yang Akan Dijalankan oleh Pengkaji Mengikut Jangka Masa yang Dirancang	83
3.4	Rangka Kerja yang Dirancang Sepanjang Kajian Dijalankan Bersama Murid-Murid	86
3.5	Ringkasan Proses Analisis Data	93
3.6	Kaedah Analisis Data, Instrumen Kajian dan Responden yang terlibat mengikut Objektif Kajian	96
4.1	Tema dan Subtema Hasil Daripada Temu Bual Responden Bagi Menjawab Persoalan Kajian Pertama	102

4.2	Penilaian Video Penceritaan Digital (VPD) oleh Responden 1 (R1), Responden 2 (R2) dan Responden 3 (R3) dalam bentuk skor min	105
4.3	Skor Min Tiga Belas Video Penceritaan Digital yang Telah Dinilai Oleh Tiga Orang Pakar	106
4.4	Hasil Dapatan daripada Responden Berkaitan dengan Elemen Multimedia	113
4.5	Hasil Dapatan daripada Responden Berkaitan dengan Prinsip-Prinsip Dalam Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer	124
4.6	Hasil Dapatan Daripada Responden Berkaitan Dengan Impak Video Penceritaan Digital Kepada Amalan Membaca dan Kemenjadian Murid	132
4.7	Tema dan Subtema Hasil Daripada Temu Bual Responden Bagi Menjawab Persoalan Kajian Kedua.	139
4.8	Hasil Dapatan Daripada Responden Berkaitan Dengan Perancangan dan Laporan Aktiviti Galakan Membaca.	140
4.9	Platform Media Sosial yang Digunakan untuk Mempromosikan Aktiviti Galakan Membaca dan Kekerapan Penggunaannya.	142
4.10	Bahan Digital Yang Terdapat Dalam Platform Telegram	144
4.11	Aktiviti-aktiviti yang Dijalankan oleh Panitia.	148
4.12	Pengiktirafan Bintang bagi PAJSK Murid Sekolah Rendah.	152
4.13	Status Pencapaian Penarafan Bintang Bagi Lima Orang Reponden Bagi Tahun 2021/2022 dan 2022/2023.	153
4.14	Enam Kriteria yang Dinilai Dalam Kemenjadian Murid dan Markah Yang Diperuntukkan	156
4.15	Purata Markah Yang Diberikan Oleh Tiga Orang Penilai Kepada Responden Berdasarkan Rubrik Penilaian Kemenjadian Murid	157
4.16	Peratus Markah Keseluruhan Responden Berserta Skor Bagi Setiap Responden	157
4.17	Penerangan dan Markah Bagi Kriteria Keupayaan Berkomunikasi	158
4.18	Purata Markah Bagi Kriteria Keupayaan Berkomunikasi	159

4.19	Penerangan Bagi Kriteria yang Kedua Iaitu Bahasa Dan Pertuturan.	160
4.20	Purata Markah Bagi Kriteria Bahasa dan Pertuturan	161
4.21	Penerangan Bagi Kriteria Ketiga Iaitu Ketokohan Murid	162
4.22	Purata Markah Bagi Kriteria Ketokohan Murid	162
4.23	Penerangan Bagi Kriteria Keempat Iaitu Mesej dan Nilai Dalam Cerita yang Disampaikan.	163
4.24	Purata Markah Bagi Kriteria Mesej dan Nilai Dalam Cerita	164
4.25	Penerangan bagi Kriteria Kelima Iaitu Tempoh Penceritaan dan Perkembangan Cerita	165
4.26	Purata Markah Bagi Kriteria Tempoh Penceritaand Dan Perkembangan Cerita	165
4.27	Penerangan bagi Kriteria Kawalan Suara	166
4.28	Purata Markah Bagi Kriteria Kawalan Suara	167

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Jurang Penyelidikan.	13
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	15
2.1	Model Program NILAM Yang Ditambahbaik (Sumber: Nilam Yang Ditambahbaik Panduan Pelaksanaan di Sekolah, 2017).	34
2.2	Hierarki Taksanomi Bloom	67
3.1	Kaedah Pengumpulan Data dan Analisis Data	98
4.1	Video Penceritaan Digital yang Dipilih Sebagai Instrumen Kajian.	108
4.2	VPD 4, Video yang Digugurkan kerana Kekurangan dalam Prinsip Koheren	108
4.3	VPD 8, video yang Digugurkan Kerana Kekurangan Dalam Prinsip Redundansi	109
4.4	VPD 13, Video yang Digugurkan Kerana Kekurangan Dalam Elemen Multimedia Iaitu Grafik	111
4.5	Teks yang Terpapar di VPD 1 dan VPD 2	115
4.6	Grafik yang Terpapar di VPD 3 dan VPD 5	117
4.7	Elemen Video dalam Video Penceritaan Digital	121
4.8	Elemen Animasi dalam Video Penceritaan Digital	123
4.9	VPD 6 yang Menunjukkan Teks yang Bahasa Inggeris yang Tidak Sesuai kepada VPD	125
4.10	VPD 10 yang Menunjukkan Kesesuaian Grafik pada VPD.	129
4.11	VPD 10 yang Menunjukkan Kesesuaian dalam Segmentasi pada VPD	131
4.12	Platform Telegram Digunakan untuk Berkongsi Bahan Digital Sebagai Aktiviti Galakan Membaca	143

- | | | |
|------|--|-----|
| 4.13 | Platform Facebook digunakan untuk Mempromosikan Aktiviti Galakan Membaca | 145 |
| 4.14 | Platform saluran YouTube Digunakan untuk Mempromosikan Aktiviti Galakan Membaca dan Mengetengahkan Kemenjadian Murid | 146 |
| 4.15 | Paparan saluran YouTube TVPSS sekolah kajian | 146 |

SENARAI SINGKATAN

BSTP	Bahagian Sumber Teknologi Pendidikan
CDS	Centre For Digital Storytelling
DELIMa	Digital Education Learning Initiative Malaysia
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
DST	Digital Story Telling
DVD	Digital Video Disc
GPM	Guru Perpustakaan dan Media
ICT	Information and Communications Technology
IA	Intrapersonal
IE	Interpersonal
JERIS	Jasmani Emosi Rohani Intelektual Sosial
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KB	Kinestetik
LM	Logik Matematik
MCMC	Malaysian Communications and Multimedia Commission
MZ	Muzik
NA	Naturalis
NILAM	Nadi Ilmu Amalan Membaca
NGO	Non-governmental Organization
PAJSK	Pentaksiran Aktiviti Jasmani Sukan dan Kesihatan
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah

PISA	Programme for International Student Assessment
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RI	Revolusi Industri
SKPMG2	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2
SSTP	Sektor Sumber Teknologi Pendidikan
TS25	Program Transformasi Sekolah
TVPSS	Televisyen Pusat Sumber
VL	Verbal Linguistik
VPD	Video Penceritaan Digital
VR	Visual Ruang

SENARAI LAMPIRAN

- A Rubrik Penilaian Video Penceritaan Digital
- B Instrumen Penilaian Kemenjadian Murid
- C Protokol Temu Bual
- D Surat Lantikan Pakar
- E Surat Kelulusan Menjalankan Kajian
- F Surat Kelulusan Menjalankan Kajian
- G Borang Persetujuan Responden
- H Gambar Sepanjang Kajian Dijalankan
- I Senarai Jawatan, Sumbangan, Penerbitan dan Inovasi



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Bab ini merupakan pengenalan kepada kajian mengenai penerokaan video penceritaan digital dalam meningkatkan amalan membaca dan kemenjadian murid. Bab ini mempunyai subtopik yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual kajian, definisi operasional, batasan kajian dan kepentingan kajian serta penutup.

1.2 Pendahuluan

Pendidikan di Malaysia telah mengalami perubahan yang agak ketara akibat daripada perkembangan Revolusi Industri 4.0. Pembelajaran abad ke-21 telah menjadi tunjang kepada perubahan ini. Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran telah dipraktikkan oleh guru-guru demi menyesuaikan diri dengan perubahan ke arah RI 4.0.





Penemuan teknologi baharu seperti internet kebendaan (IOT), kecerdasan buatan (AI), robotik, kenderaan berautonomi merupakan antara perkara yang diketengahkan dalam merencanakan perubahan teknologi sedia ada. RI 4.0 juga boleh menghubungkan dunia digital dengan manusia. Pandemik Covid-19 yang melanda negara malah dunia, telah menjadi ruang dan peluang untuk semua pihak menerima peralihan teknologi baharu ini.

Langkah utama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ke arah ini ialah menggubal dasar pendidikan digital yang bermatlamat melahirkan generasi fasih digital dan berdaya saing. Dasar pendidikan digital yang dirangka adalah bagi memupuk bakat digital yang berpengetahuan, berkemahiran dan beretika dalam penggunaan teknologi digital (Berita Harian, 7 Oktober 2021). Ini bertepatan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara (2013-2025) dalam anjakan ke 7 yang menyatakan bahawa penggunaan ICT dimanfaatkan bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia.

Nyata sekali, pendidikan digital menjadi satu agenda utama Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melahirkan generasi yang celik digital pada masa kini dan akan datang. Sejak kebelakangan ini, revolusi internet dan teknologi komunikasi telah berkembang dengan pesat. Ini telah menyebabkan muncul pelbagai rangkaian multimedia termasuklah pembelajaran digital. Tanpa pembelajaran digital, murid-murid akan ketinggalan jauh ke belakang. Pandemik Covid 19 menjadi pencetus kepada pembelajaran digital.



Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyusun strategi dalam membangunkan pendidikan yang menyeluruh seiring dengan perkembangan teknologi terkini dan keperluan semasa. Antaranya pelantar DELIMA (*Digital Educational Learning Initiative*) telah dilancarkan pada Jun 2020 telah menjadi medium utama dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah apabila kerajaan mengarahkan penutupan sekolah seluruh Malaysia akibat penularan COVID-19. Pada 22 Ogos 2022, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan DELIMA 2.0 yang lebih menyeluruh yang digunakan oleh guru-guru dan murid-murid dalam konteks pendidikan masing-masing.

Sebagai analoginya, pendidikan digital adalah satu medium pendidikan yang mampu untuk mengubah cara ilmu itu disampaikan dan diajar seterusnya mampu menarik minat pelajar untuk menimba ilmu dengan lebih gigih lagi (Mohd. Amirul Bashah, Hafizah Zulkifli, 2021). Penerapan pendidikan digital juga merupakan salah satu amalan kreativiti guru yang boleh diaplikasikan dan bersesuaian dengan pembelajaran abad ke-21 (Nur Adibah Liyana Awi & Hafizah Zulkifli, 2021). Pendidikan digital merupakan pendekatan yang mengaplikasikan teknologi digital dalam pengajaran dan pembelajaran (Maimun Aqsha Lubis, Mohd Sham Kamis, Sohaina Mohd Salleh, Zunidar, Usiono, Eka Yusnaldi, Siti Hajar Taib, & Ikwan Lubis, 2021).

Lantaran itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2015) yang kini telah masuk ke gelombang ketiga, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan enam aspirasi murid iaitu kemahirana berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwi bahasa, etika dan kerohanian, serta identiti nasional. Setiap murid

mempelajari cara memperoleh ilmu pengetahuan sepanjang kehidupan mereka untuk membolehkan mereka menghubungkan pelbagai disiplin ilmu dan mencipta ilmu yang baharu. Setiap murid perlu menguasai kemahiran kognitif termasuk penaakulan dan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Oleh itu, di sinilah pentingnya untuk meningkatkan kemenjadian murid hasil daripada perkembangan teknologi.

1.3 Latar Belakang Kajian

Bersesuaian dengan Kurikulum Sekolah di Malaysia yang bermatlamat membangunkan murid-murid secara menyeluruh, merangkumi empat dimensi iaitu intelek, rohani, emosi, dan jasmani seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pelbagai program dan inisiatif untuk membangunkan komponen bukan akademik dilaksanakan di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah menerusi pelbagai aktiviti sukan dan kokurikulum selepas waktu sekolah. Untuk memenuhi enam aspirasi murid yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), amalan membaca perlulah dijadikan amalan seharian murid-murid supaya menjadi satu resepi ilmu dalam pelbagai bidang.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan garis ukur yang jelas dan mensasarkan Malaysia sebagai negara membaca menjelang 2030 melalui Kempen Dekad Membaca Kebangsaan yang telah dilancarkan pada 13 Disember 2018 yang lalu. (Utusan Malaysia 13 Disember 2018). Di peringkat sekolah, NILAM yang merupakan akronim bagi Nadi Ilmu Amalan Membaca diperkasakan di sekolah-sekolah seluruh Malaysia dengan kepelbagaian bahan bacaan untuk murid-murid. Matlamat dan tujuan program NILAM ini adalah untuk menyemarakkan

amalan membaca dalam kalangan murid-murid dan mendorong murid-murid untuk terus menjana kreativiti dan idea inovatif untuk menggalakkan dan menanam tabiat membaca sehingga tamat persekolahan. (Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, 2000).

Lantaran itu, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) telah melaksanakan penambahbaikan terhadap pelaksanaan program iaitu daripada Program NILAM sehinggalah NILAM Nafas Baharu iaitu format baharu yang lebih mudah dan praktikal diperkenalkan dan digunakan dengan sepenuhnya mulai tahun 2020. Perekodan bacaan bagi murid tahap 1 diserapkan dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Rekod bacaan ini akan dibawa sehingga ke tahun enam dan direkodkan dalam bentuk pencapaian bintang dalam PAJSK (Sumber Bahagian Sumber Teknologi Pendidikan, 2020).

NILAM Nafas Baharu mempunyai kelebihan dan lebih terkini dari segi pengurusan, objektif, dan berfokus kepada kualiti pembacaan. Kualiti pembacaan ini dapat dilihat apabila murid membuat rumusan bahan yang dibaca dan aktiviti pengayaan NILAM selepas pembacaan seperti bercerita, mencipta pantun, menulis lirik lagu, melukis dan sebagainya. Aktiviti pengayaan ini yang menjadikan pembacaan itu berkualiti kerana murid dapat mencapai kemahiran berfikir aras tinggi dan berfikir di luar kotak semasa membuat aktiviti selepas pembacaan.

Selain itu, bahan bacaan juga lebih meluas dan tidak terikat kepada buku fizikal sahaja malah bahan digital juga menjadi satu tarikan kepada murid-murid terutama sekali murid-murid yang berada dalam era *digital natives*. Bahan digital



adalah melibatkan bahan yang diakses secara dalam talian. Bahan bacaan dalam talian adalah lebih menarik kerana terdapat unsur visual, audio dan grafik. Ini adalah salah satu langkah yang baik untuk memberikan satu penambahbaikan kepada pembacaan berkualiti kepada murid-murid. Bahan bacaan berasaskan laman web dan digital mampu menjana murid lebih kreatif dan kritis untuk memahami bacaan (Adenan Ayob, 2017).

Sehubungan itu, kemenjadian murid dapat dihasilkan melalui program NILAM. Dalam usaha memantapkan aktiviti galakan membaca, kualiti keberhasilan dan kemenjadian murid dalam pelbagai bidang perlu diketengahkan. Apa yang diamati melalui beberapa istilah kemenjadian murid adalah merupakan perubahan tingkah laku dalam bentuk keberhasilan murid selepas melalui proses pembelajaran secara formal mahupun secara tidak formal (Juliana George Jettel & Mohd Izham Mohd Hamzah, 2020).

Melalui Program NILAM, kemenjadian murid dalam melahirkan Tokoh NILAM diperkasakan. Melalui slogan Bangsa Membaca Bangsa Berjaya telah menjadi satu impian negara terhadap generasi baharu melalui budaya membaca. Tokoh NILAM dinilai dari segi kemampuan murid berkomunikasi dengan baik serta berkeyakinan diri dalam menyatakan pendapat masing-masing. Penguasaan kemahiran lisan perlu ditingkatkan sebagaimana matlamat Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah (DSKP) yang digubal untuk melahirkan murid yang berkemahiran berbahasa dan boleh berkomunikasi dengan baik bagi memenuhi keperluan diri, memperoleh pengetahuan, kemahiran, maklumat, nilai murni dan idea serta perhubungan sosial dalam kehidupan seharian (KPM, 2017).





Dalam PPPM 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan satu program transformasi sekolah (TS25) dengan motif untuk meningkatkan kemenjadian murid berkualiti melalui potensi PdPc guru serta aktiviti pembacaan (KPM 2019). Selain itu keberhasilan murid dalam bidang kokurikulum juga menjadi aspek yang perlu diberikan perhatian untuk melahirkan murid-murid yang cemerlang secara holistik. Ini sangat penting untuk menyumbangkan markah dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) yang merupakan rekod pencapaian dan penglibatan murid dalam aktiviti sukan dan ko-akademik. Justeru, rentetan daripada aktiviti membaca buku fizikal mahupun bahan digital, dapat melahirkan kemenjadian murid antaranya ialah seperti Tokoh NILAM.

Dengan itu, satu langkah ke hadapan, dengan penggunaan Video Penceritaan Digital, mampu memberikan satu pembaharuan dalam aktiviti NILAM di mana Video Penceritaan Digital yang ditonton oleh murid dapat menyumbang kepada amalan membaca. Video Penceritaan Digital ini merupakan salah satu bahan digital dalam Program NILAM. Murid-murid yang menonton Video Penceritaan Digital dapat mengetahui jalan cerita atau mesej yang disampaikan berdasarkan satu bahan bacaan. Melalui Video Penceritaan Digital, murid-murid akan dapat menyumbangkan peningkatan jumlah bahan digital dalam pengiraan keseluruhan bahan bacaan NILAM. Ini juga memberi kesan kepada pengiraan bintang NILAM yang dikira pada akhir tahun yang akan menyumbang kepada kemenjadian murid serta markah yang tinggi dalam PAJSK murid-murid.





1.4 Pernyataan Masalah

Program NILAM merupakan satu usaha Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menggalakkan amalan membaca dalam kalangan murid-murid. Amalan ini sewajarnya dibudayakan supaya menjadi satu budaya yang positif dan berkembang selari dengan perkembangan teknologi terkini. Dalam bidang pendidikan, budaya membaca seharusnya dipandang serius agar menjadi sebahagian daripada persekitaran budaya sekolah supaya pelajar dapat meningkatkan diri menjadi individu yang berpengetahuan dan berinovasi tinggi.

Laporan Program Pentaksiran Pelajar Antarabangsa (PISA) 2018 yang menaksir 6,111 pelajar berusia 15 tahun dari 191 sekolah di Malaysia, menunjukkan aktiviti membaca sebagai hobi tidak lagi digemari. Tidak lagi seperti tahun 2009, penilaian pada tahun 2018 mendapati bahawa membaca tidak lagi dijadikan hobi bagi murid-murid. Mereka hanya membaca apabila dipaksa atau apabila perlu sahaja.

Walaupun program NILAM telah dilaksanakan sejak tahun 1999, namun hakikatnya sekolah-sekolah di Malaysia masih lagi berhadapan dengan krisis amalan membaca. Biarpun pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh kerajaan khususnya KPM dalam Program NILAM, namun keberkesanannya masih kurang memberangsangkan (Mohamad Jafre Zainol Abidin, Majid Pour - Mohammadi, & Joyce Low Soong Ping, 2011; Saiful Farik Mat Yatin, Shahrom TM Sulaiman, Hasnah Shuhaimi, Mansor Ibrahim, & Mirahida Murad, 2014). Program NILAM boleh dianggap kurang berjaya (Mohamad Jafre Zainol Abidin, Majid Pour - Mohammadi, & Joyce Low Soong Ping, 2011) tidak mencapai objektif (Vethamani & Nair, 2009) serta





pelaksanaannya perlu dikaji semula (Azlin Norhaini Mansor, Mohd Sattar Rasul, Rose Amnah Abd Rauf & Bee Lian Koh, 2012).

Walaupun Malaysia kini dilengkapi dengan kemahiran literasi maklumat untuk membentuk budaya membaca dalam masyarakat seperti adanya program, aktiviti, bengkel, motivasi yang berorientasikan literasi membaca namun, menurut Mozilim (2010) dan WanZah WanAh, Fatimah Hashim, Ismail Sheikh Ahmad, Tamby Subahan Mohd. Meerah, Sali Zaliha Mustapha, Fattawi Mokhtar dan Mohd Sohaimi Hashim (2005) tabiat membaca pelajar Malaysia secara keseluruhannya masih ditahap kurang memuaskan. Adam Zulkarnain Saleng & Amir Hassan Dawi (2020) menyatakan budaya membaca memang wujud dalam kalangan murid sekolah. Walaubagaimanapun, budaya membaca murid sekolah rendah adalah sederhana.



Lantaran itu, program NILAM telah dijalankan di sekolah-sekolah selama lebih kurang dua dekad, nampaknya hanya terdapat sedikit penyelidikan bebas yang mewajarkan keperluan untuk program NILAM diteruskan di sekolah-sekolah Malaysia (Noreha Taib, Ramesh Nair, Yoges Gopalan, Daljeet Singh Sedhu, 2021). Adam Zulkarnain Saleng dan Amir Hassan Dawi (2020) mendapati budaya membaca masih lagi kurang diamalkan oleh murid di sekolah kerana beberapa perkara yang dikenal pasti iaitu masa rehat yang singkat, kurangnya galakan daripada guru, kurangnya aktiviti atau program membaca dan kurang sokongan daripada pihak pentadbiran dari segi pembangunan pusat sumber.

Di samping itu, Zuridah Hanim Md Akhir (2018) menyatakan bahawa faktor-faktor yang perlu ditekankan dalam pelaksanaan program membaca (NILAM) di



sekolah ialah koleksi bahan bacaan, sokongan pentadbiran sekolah dan penglibatan ibu bapa. Penglibatan ibu bapa penting kerana masyarakat yang sempurna dari segi fikiran dan fizikal biasanya mempunyai latar belakang yang suka membaca. Namun, agak sukar untuk menggalakkan masyarakat membaca kerana ada antara mereka berasal dari persekitaran, atau keluarga yang sememangnya tidak suka membaca (Adam Zulkarnain Saleng & Amir Hassan Dawi, 2020).

Selain daripada itu, pusat sumber sekolah juga berperanan dalam meningkatkan amalan membaca. Sikap murid yang tidak mahu membaca, kekangan masa yang terhad apabila berada di sekolah dan akses ke PSS yang sukar kerana lokasi yang tidak strategik menyebabkan murid tidak menggunakan pusat sumber sekolah untuk membaca (Adam Zulkarnain Saleng & Amir Hassan Dawi, 2020).

Pusat sumber sekolah memainkan peranan penting dalam memupuk budaya membaca (Adkins & Brendler, 2015). Kajian Mahpudzah Ahmad (2001), menunjukkan bahawa pusat sumber sekolah merupakan elemen penting dalam mempengaruhi minat membaca pelajar dan mendapati beberapa faktor dalam pusat sumber sekolah itu dapat mempengaruhi minat pelajar seperti jenis bahan bacaan (Johannesen, 2014), sistem pengurusan, sikap pengawas dan guru pusat sumber dan juga aktiviti yang dijalankan.

Oleh itu, guru pusat sumber (GPM) perlu kreatif dalam menjalankan aktiviti membaca di sekolah. Budaya membaca haruslah subur dan menjadi budaya yang positif dan berkembang di segenap ruang sekolah sama ada dalam bilik darjah, pusat sumber sekolah, bilik guru, malah di ruang-ruang koridor mahupun kantin sekalipun

di mana institusi sekolah dan guru-guru menjadi agen sosialisasi penggerak pelaksanaannya.

Kemenjadian murid pula merupakan aspek yang penting dalam menilai sesuatu pendidikan untuk memastikan murid mencapai Falsafah Pendidikan Negara iaitu seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelektual. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2017), Zuraida (2013), Nurhanani Ridzuan, (2020), kemenjadian murid terbahagi kepada tiga aspek iaitu akademik, kokurikulum dan sahsiah. Ketiga-tiga aspek ini penting untuk membentuk murid yang kreatif, berfikiran kritis, mampu berkomunikasi dengan baik dan berkepimpinan. Ciri-ciri ini juga sangat penting dalam membentuk murid yang cemerlang seiring dengan saranan kerajaan seperti yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang bermatlamat untuk melengkapkan setiap murid dengan kemahiran-kemahiran baharu untuk bersaing di peringkat global (Halimah, Eow & Chuah, 2013).

Dalam membangunkan modal insan iaitu untuk bangsa dan negara, aspek utama yang perlu diberi penekanan kepada generasi muda terutamanya golongan kanak-kanak peringkat sekolah rendah adalah aktiviti membaca (Adam Zulkarnain Saleng & Amir Hassan Dawi, 2020). Namun begitu, proses pembentukan modal insan seperti ini bukanlah sesuatu yang mudah. Pembentukan murid yang cemerlang dari segi akademik, kokurikulum dan sahsiah tidak dapat dilaksanakan tanpa perancangan dan pelaksanaan sumber atau aktiviti yang sesuai (Nurhanani Redzuan, 2020). Satu perancangan aktiviti membaca yang seiring dengan perkembangan


teknologi perlu dirancang supaya amalan membaca dan kemenjadian murid lebih terserlah seiring dengan teknologi terkini.

Berdasarkan kajian oleh *Malaysian Communications and Multimedia Commission* (MCMC) mendapati 83.2 peratus pengguna internet adalah kanak-kanak yang berumur 5 hingga 17 tahun. Malah, 93 peratus pengguna internet kanak-kanak ini menggunakan *smartphone* untuk akses komunikasi teks, media sosial, mendapatkan maklumat dan menonton video (MCMC, 2017). Ini merupakan ruang untuk guru-guru dan pihak sekolah menggunakan peluang ini untuk memanfaatkan penggunaan *smart phone* ke arah yang lebih baik seperti menonton video yang bermanfaat kepada murid-murid.

Bahan yang murid tonton daripada video adalah merupakan salah satu bahan digital yang terkandung dalam Program NILAM. Video yang ditonton juga bersesuaian dengan kognitif murid-murid sekolah rendah. Perkembangan dalam Program NILAM sangat bersesuaian dengan situasi semasa di mana trend pembacaan murid-murid sudah berubah ke arah bahan digital dan murid-murid sukakan keseronokan ketika membaca (Zuridah Hamin, 2018).

Oleh itu, berdasarkan jurang dan permasalahan yang dinyatakan, pengkaji telah mengenalpasti satu intervensi untuk menggalakkan murid-murid menggunakan bahan bacaan digital sebagai salah satu bahan bacaan adalah melalui Video Penceritaan Digital. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan jumlah bacaan murid dalam Program NILAM secara keseluruhan melalui bahan digital serta proses pembentukan kemenjadian murid itu dapat direalisasikan. Video Penceritaan Digital

juga mestilah berasaskan bahan bacaan yang mengandungi unsur multimedia yang menarik dan mempunyai nilai murni yang berguna untuk murid-murid. Video Penceritaan Digital yang digunakan terdapat sarikata yang membolehkan murid membaca dan secara tidak langsung ini dapat meningkatkan amalan membaca murid-murid. Oleh kerana amalan membaca murid-murid diukur melalui Program NILAM di sekolah, maka ini dapat menyelesaikan masalah amalan membaca dalam kalangan murid-murid yang akan memberi impak kepada kemenjadian murid.



Rajah 1.1. Jurang Penyelidikan.

1.5 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian yang dijalankan ini adalah untuk meneroka sejauh mana Video Penceritaan Digital dapat meningkatkan amalan membaca dan kemenjadian murid dalam kalangan murid sekolah rendah.

Objektif kajian ini adalah :

1. Meneroka kesesuaian kandungan Video Penceritaan Digital dalam meningkatkan amalan membaca dan kemenjadian murid.
2. Mengenalpasti samada Video Penceritaan Digital dalam meningkatkan amalan membaca atau tidak.
3. Meneroka kemenjadian murid dari aspek kemahiran komunikasi berdasarkan Video Penceritaan Digital.

1.6 Persoalan Kajian

Sepertimana yang telah dinyatakan dalam penulisan yang awal tadi, tujuan kajian ini secara umum ialah untuk meneroka sejauh mana penceritaan digital dapat meningkatkan amalan membaca serta kemenjadian murid-murid. Oleh itu persoalan kajian ialah:


1. Adakah kesesuaian kandungan Video Penceritaan Digital dapat meningkatkan amalan membaca dan kemenjadian murid?

2. Sejauh manakah pendekatan Video Penceritaan Digital dapat meningkatkan amalan membaca?
3. Bagaimanakah Video Penceritaan Digital dapat melahirkan kemenjadian murid dari aspek kemahiran komunikasi?

Walaupun murid-murid telah didedahkan dengan pelbagai bahan digital untuk dibaca atau ditonton, namun adakah murid- murid sedar bahawa bahan digital seperti Video Penceritaan Digital adalah salah satu daripada cabang bahan digital yang boleh murid terokai melalui aktiviti NILAM? Oleh itu pengkaji berminat untuk mengkaji dan meneroka tentang Video Penceritaan Digital serta mendapat maklum balas daripada pandangan pakar, Guru Perpustakaan dan Media, pegawai yang berkaitan untuk dapatan kajian ini.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Berikut adalah kerangka kajian yang merangkumi teori dan garis panduan kepada kajian ini.



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.2. menunjukkan kerangka kajian yang menjadi garis panduan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian. Kerangka kajian ini juga merangkumi teori yang mendasari kajian ini. Kerangka kajian ini menunjukkan Video Penceritaan Digital berperanan dalam meningkatkan amalan membaca serta kemenjadian murid dari aspek komunikasi dalam kalangan murid-murid sekolah rendah.

Bagi penilaian Video Penceritaan Digital yang sesuai dengan kognitif murid-murid, Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer (2001) dipilih untuk mendasari kajian ini. Bagi mengetahui tindakbalas murid-murid terhadap Video Penceritaan Digital, Teori Behaviorisme Pelaziman Operan BF Skinner dijadikan panduan. Bagi mengetahui tahap pemahaman murid-murid terhadap Video Penceritaan Digital yang ditonton, Model Taksonomi Bloom telah mendasari kajian ini dan Teori Kecerdasan Pelbagai Howard Gardner (1963) pula mengukur kemahiran komunikasi murid-murid setelah menonton Video Penceritaan Digital. Penerangan tentang teori yang mendasari kajian ini akan diterangkan dengan lebih lanjut dalam bab 2.

1.8 Definisi Operasional

Sesuatu kajian akan menjadi lebih bermakna dan bernilai jika tajuk kajian difahami dan tidak disalah tafsirkan. Definisi ini perlu supaya pengkaji dapat memahami secara jelas dan terperinci tentang maksud sebenar pembolehubah dalam kajian ini serta memudahkan memahami perbincangan dalam bab seterusnya. Pengkaji telah mendefinisikan beberapa istilah yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan.



1.8.1 Amalan Membaca

Amalan merujuk kepada sesuatu yang dilakukan sebagai satu kebiasaan. (Kamus Dewan Edisi ke4). Membaca pula merupakan proses kognitif yang kompleks bagi memahami sesuatu huruf, ayat serta teks yang dibaca dan menterjemah mesej tersebut kepada maklumat yang bermakna. (Haslinda Hussaini, Rafidah Abdul Aziz, Mohd Sharif Mohd Saad, Dang Merduwati Hashim, & Mohd Fazli Baharuddin, 2012). Menerusi membaca, pembaca dapat membangunkan kemahiran menulis, meningkatkan perbendaharaan kata dan kemahiran komunikasi (Irvin, Judith; Meltzer, Julie; Dukes, & Melinda, 2007), berpengetahuan luas tentang isu-isu semasa (Kim & Anderson, 2011) dan merupakan faktor penting kepada perkembangan intelek dan pembangunan emosi (Fayaz Ahmad Lone, 2011).



Dalam konteks kajian ini, amalan membaca merujuk kepada aktiviti membaca yang menjadi kebiasaan kepada murid-murid untuk meningkatkan jumlah bahan bacaan yang diukur berdasarkan bilangan bahan bacaan (bahan buku, bahan bukan buku dan bahan digital) murid melalui program NILAM.

1.8.2 Program NILAM

Program NILAM adalah akronim bagi perkataan Nadi Ilmu Amalan Membaca yang merupakan gabungan atau adunan semua aktiviti galakan membaca yang dijalankan di sekolah dengan memberikan pengiktirafan yang sesuai. (Bahagian Sumber Teknologi dan Pendidikan, 2016). Pelaksanaan program ini meliputi penilaian pembacaan yang berterusan sepanjang tahun dan jumlah bahan bacaan yang dikumpulkan akan diberikan



ganjaran pencapaian bintang pada setiap akhir tahun sehinggalah murid-murid tamat persekolahan.

Program ini juga bertujuan untuk membina dan menggalakkan tabiat membaca yang berterusan serta menjana pemikiran kreatif dan inovatif dalam kalangan murid daripada mula sehingga tamat persekolahan. Murid akan merekodkan bahan bacaan dan disahkan oleh guru. Data murid akan dikumpul dan dikira untuk mendapatkan pengiktirafan. Proses pengumpulan data dilaksanakan secara berpusat dan dipantau oleh Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, KPM.

Dalam konteks kajian ini, Program NILAM merujuk kepada sumbangan peningkatan jumlah bahan digital kepada jumlah keseluruhan bahan bacaan secara tahunan dan terkumpul. Ini dapat meningkatkan jumlah bacaan murid dan secara tidak langsung meningkatkan aktiviti NILAM murid di sekolah.

1.8.3 Video Penceritaan Digital

Penceritaan digital merupakan penyampaian cerita menerusi peralatan komputer dan teknologi multimedia. Schank (1997) telah mendefinisikan penceritaan digital sebagai cerita merupakan elemen utama dalam pemikiran dan komunikasi manusia. Guririe (2018) pula mentakrifkan penceritaan digital sebagai kemahiran menyampaikan cerita menggunakan digital media seperti teks, imej, narasi audio, muzik dan video.



Dalam konteks kajian ini, Video Penceritaan Digital merujuk kepada video yang dipertontonkan kepada murid-murid sebagai instrumen kajian. Video Penceritaan Digital yang dipilih bersesuaian dengan tema dalam pengajaran bagi mata pelajaran Bahasa Melayu tahun empat. Video ini merupakan penceritaan dalam bentuk audio dan visual berdasarkan bahan bacaan kanak-kanak yang divideokan dalam bentuk digital. Pemilihan Video Penceritaan Digital dinilai berdasarkan 6 elemen dalam Prinsip Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer yang dinilai oleh pakar. Sepuluh video daripada tiga belas video yang terbaik dan mempunyai min skor yang paling tinggi dipilih sebagai instrumen kajian.

1.8.4 Kemenjadian Murid

Definisi kemenjadian ialah perihal (proses) menjadikan, menciptakan dan mewujudkan sesuatu yang baru (kamus Dewan, 1984). Menjadi pula bermaksud untuk dikenali, dianggap atau diiktiraf terhadap sesuatu yang sebenar-benarnya telah berlaku.

Dalam konteks kajian ini kemenjadian murid diukur daripada kebolehan murid menyampaikan semula apa yang ditonton melalui video penceritaan digital dengan penyampaian yang baik serta mengambil kira dari aspek komunikasi yang baik. Penilaian kemenjadian murid adalah berpandukan rubrik penilaian yang telah disahkan oleh pakar. Penilaian ini juga merujuk kepada SKPMG2 standard 5.





1.8.5 Kemahiran Komunikasi

Kemahiran komunikasi ialah kemahiran yang digunakan untuk menerangkan, menjelaskan, membuat ramalan, menilai demi memahami fenomena komunikasi (Rasathi Selvarajah, Nurfaradilla Mohd Nasri, Ahmad Zamri Mansor, 2021). Ini dapat membantu murid untuk mengumpul segala pengalaman yang sedia ada dan menjadikan sesuatu perlakuan komunikasi dalam beberapa proposisi atau pernyataan (Rasathi Selvarajah et al., 2021).

Dalam konteks kajian ini, kemahiran komunikasi merujuk kepada kebolehan murid menyampaikan semula cerita yang ditonton melalui video penceritaan digital. Penilaian dilaksanakan hasil daripada perubahan tingkah laku murid selepas menonton video penceritaan digital. Instrumen penilaian bagi kemahiran komunikasi ini adalah gabungan daripada instrumen penilaian Tokoh NILAM dan juga instrumen penilaian bagi pertandingan-pertandingan ko-akademik seperti pertandingan bercerita. Aspek yang dinilai adalah keupayaan berkomunikasi, bahasa dan pertuturan, ketokohan menyampaikan cerita, menyampaikan mesej yang terkandung dalam Video Penceritaan Digital, pengembangan cerita dan kawalan suara. Elemen komunikasi juga diambil kira iaitu penyampai yang terdiri daripada murid, penerima yang terdiri daripada guru dan murid-murid lain, saluran komunikasi adalah secara bersemuka, mesej yang disampaikan serta maklumbalas murid kepada soalan yang diberikan oleh guru.





1.9 Batasan Kajian

Beberapa batasan kajian telah dikenalpasti dalam kajian ini. Pengkaji meletakkan skop dan ruang yang agak terbatas dalam batasan kajian. Pengkaji telah mengenalpasti beberapa perkara yang menjadi batasan dalam kajian ini.

Pertama sekali ialah sampel kajian ini adalah terdiri daripada lima orang pegawai pendidikan iaitu terdiri daripada Pegawai SSTP JPN Perak, Ikon Guru Digital, Ikon Guru Perpustakaan dan Media, Ketua Panitia dan Guru perpustakaan dan Media. Selain itu, lima orang murid tahun empat di sebuah sekolah rendah di Daerah Kinta Utara, Perak menjadi sampel untuk menjawab persoalan kajian yang ketiga. Kajian ini juga hanya memberi fokus kepada amalan membaca (NILAM) iaitu Video Penceritaan Digital dan kemenjadian murid terutama sekali dari aspek kemahiran komunikasi kerana kedua-dua kemahiran ini adalah impak daripada video penceritaan digital.

Hattie (2010) menyatakan bahawa untuk pencapaian akademik yang cemerlang, ia tidak semestinya bergantung kepada satu kaedah semata-mata. Dalam konteks ini penggunaan Video Penceritaan Digital dipersembahkan dengan pelbagai kaedah audio dan visual dan tidak tertumpu kepada bahan buku fizikal sahaja untuk menarik minat murid terhadap aktiviti membaca dan seterusnya meningkatkan kemahiran komunikasi murid-murid.



1.9.1 Batasan Kajian Dari Aspek Kaedah Kajian

Kajian ini ialah reka bentuk kualitatif dan pendekatan kajian kes di mana pengkaji bergantung kepada pandangan responden, mengumpul data dalam bentuk perkataan atau teks, menjelaskan dan menganalisa perkataan tersebut dalam bentuk tema-tema. Pengkaji memilih pendekatan kajian kes untuk meneroka kesesuaian Video Penceritaan Digital dalam meningkatkan amalan membaca dan kemenjadian murid secara mendalam.

1.9.2 Batasan Kajian Dari Aspek Pensampelan

Pengkaji menggunakan kaedah sampel bertujuan iaitu mempunyai ciri-ciri yang tertentu mengikut kriteria yang dipilih bersesuaian dengan objektif kajian. Sampel yang dipilih ialah seramai seorang pegawai yang dipilih iaitu pegawai Sektor Sumber Teknologi Pendidikan Jabatan Pendidikan Negeri Perak (SSTP). Tiga orang guru yang dipilih ialah merupakan guru IKON Digital, guru IKON GPM dan Guru Perpustakaan dan Media dan seorang Ketua Panitia. Seramai lima orang murid yang dipilih terdiri daripada murid tahun empat di sebuah sekolah kajian yang mempunyai jumlah bacaan (NILAM) yang rendah dan sederhana.

1.9.3 Batasan Kajian Dari Aspek Lokasi Kajian

Dari aspek lokasi kajian pula, pengkaji memilih sebuah sekolah di Daerah Kinta Utara sebagai lokasi kajian. Pengkaji memilih sekolah ini kerana sekolah tersebut telah mewakili negeri Perak dalam penilaian Anugerah Pusat Sumber Cemerlang peringkat

Kebangsaan. Kajian ini dapat membantu pihak sekolah menjalankan inovasi berkaitan dengan aktiviti galakan membaca melalui Video Penceritaan Digital.

1.9.4 Batasan Kajian Dari Aspek Pelaporan Kajian

Pelaporan kajian ini adalah pengkaji menggunakan rubrik penilaian video, protokol temu bual, analisis dokumen dan rubrik penilaian kemenjadian murid sebagai instrumen kajian. Kajian ini menggunakan kaedah temubual separa berstruktur antara pengkaji dengan responden serta analisis dokumen iaitu data NILAM, perancangan aktiviti galakan membaca serta laporan aktiviti galakan membaca peringkat sekolah bagi tahun 2022/2023 sebagai kaedah pengumpulan data. Kajian ini juga terhad untuk melihat kepada refleksi murid terhadap Video Penceritaan Digital dalam meningkatkan amalan membaca dan kemenjadian murid dari aspek kemahiran komunikasi.

1.9.5 Batasan Kajian Dari Aspek Video Penceritaan Digital

Pengkaji menggunakan sepuluh Video Penceritaan Digital yang dipilih daripada saluran *YouTube Malaysian Fairy Tales* sebagai instrumen kajian. Video tersebut dipersembahkan dengan pelbagai elemen multimedia seperti audio, visual animasi, dan teks. Video Penceritaan Digital ini juga digunakan untuk meningkatkan amalan membaca dan kemahiran komunikasi murid-murid.

1.10 Kepentingan Kajian

Setiap kajian mempunyai kepentingan yang tersendiri. Oleh itu, terdapat beberapa kepentingan yang digariskan oleh pengkaji berdasarkan kajian yang dijalankan.

Pengurusan Sumber Pendidikan (2018) telah menyenaraikan tiga elemen utama dalam penilaian pendidikan Malaysia iaitu; i) kemahiran pembelajaran dan inovasi; ii) kemahiran maklumat, media dan teknologi; serta iii) kemahiran hidup dan kerjaya. Video Penceritaan Digital dapat menyumbangkan dalam bidang kemahiran maklumat, media dan teknologi kepada murid-murid. Pembelajaran dalam persekitaran yang aktif dan global dapat membolehkan murid-murid menguasai kemahiran abad ke-21. Bagi mencapai hasrat ini, pedagogi pengajaran turut diubahsuai bersesuaian dengan keperluan murid-murid yang menggunakan produk multimedia bagi menghasilkan bahan pembelajaran dan integrasi teknologi dalam perkongsian dan penyampaian ilmu.

Lantaran itu, ledakan teknologi yang semakin berkembang pesat, murid-murid perlulah bersedia menghadapi cabaran abad ke-21. Kemahiran abad ke-21 yang bertunjangkan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi dapat melahirkan kemenjadian murid yang berfikiran kreatif, inovatif dan sentiasa berfikiran di luar kotak.

1.10.1 Bidang Teknologi Instruksional

Dalam bidang teknologi instruksional, kajian ini dapat mengembangkan pengetahuan tentang Video Penceritaan Digital dalam meningkatkan amalan membaca. Jika kajian



lepas menunjukkan penceritaan digital lebih memberi sumbangan kepada motivasi dan minat murid dalam satu mata pelajaran, tetapi kali ini Video Penceritaan Digital dapat meningkatkan amalan membaca dalam kalangan murid-murid selari dengan perkembangan teknologi terkini.

Penilaian instrumen kajian iaitu Video Penceritaan Digital berpandukan prinsip-prinsip dalam Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer juga dapat menyumbangkan kepada ciri-ciri video yang baik untuk murid-murid dalam pembelajaran. Oleh itu, kajian ini juga dapat memberikan input tentang video yang baik untuk murid-murid sekolah rendah yang dapat menyumbangkan kepada domain penilaian dalam bidang teknologi instruksional.



1.10.2 Pihak Kementerian dan Badan Kerajaan

Kementerian Pendidikan Malaysia sedang merangka Dasar Pendidikan Digital. Kajian ini dapat menyumbang kepada pendigitalan dalam pendidikan. Teknologi dalam pendidikan adalah penting untuk generasi *digital natives* kerana dapat mencambah pemikiran murid-murid serta menyerlahkan kreativiti masing-masing dalam menjalani pengajaran dan pembelajaran.

Selain daripada itu, kajian ini dapat memberikan satu pembaharuan kepada amalan membaca. Ini dapat memberi peluang murid-murid menonton Video Penceritaan Digital yang merupakan salah satu cabang bahan digital dalam Program NILAM. Dengan menonton Video Penceritaan Digital, murid-murid dapat menambah jumlah bacaan bahan digital dan ini secara tak langsung dapat menambah



jumlah bahan yang dibaca oleh murid secara keseluruhan. Bahagian Sumber Manusia dan Teknologi Pendidikan juga dapat meluaskan penggunaan Video Penceritaan Digital ini di mana-mana platform digital sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan amalan membaca. Oleh kerana Video Penceritaan Digital ini mempunyai elemen multimedia seperti teks, grafik, audio, video dan animasi, ini dapat meningkatkan amalan membaca dalam kalangan murid-murid terutama sekali murid sekolah rendah.

1.10.3 Sektor Swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Sektor swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) merupakan agen sokongan yang mendukung dan menyokong aspirasi kerajaan untuk meningkatkan taraf pendidikan negara selari dengan negara maju. Pihak swasta dan NGO perlu membantu bidang pendidikan secara berterusan untuk meningkatkan kemahiran guru dan pelajar serta membantu membangunkan infrastruktur sekolah ke arah yang lebih baik (Tuty Haryanti, 2019).

Oleh itu, kajian ini dapat memberi peluang kepada Sektor Swasta dan Badan Bukan Kerajaan, membangunkan pelbagai inovasi seperti Video Penceritaan Digital untuk menyokong transformasi dalam pendidikan yang memberi impak kepada sistem pendidikan di Malaysia.

1.10.4 Pihak Sekolah

Kajian ini dapat memberi manfaat kepada pihak sekolah khususnya para pentadbir dalam merancang aktiviti sekolah yang dapat membentuk murid-murid yang berpengetahuan luas dan berfikiran kreatif. Bagi amalan membaca sudah tentu guru-guru khususnya Guru Perpustakaan dan Media berperanan dalam memupuk amalan membaca dalam kalangan murid-murid.

Ini dapat memberikan input yang berguna dalam merancang aktiviti serta seiring dengan perkembangan kognitif dan teknologi murid-murid selari dengan zaman mereka. Selaian itu, melalui kajian ini juga dapat menjadi panduan kepada pihak sekolah dalam membentuk kemenjadian murid dalam aspek komunikasi demi memenuhi aspirasi murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025).

1.10.5 Ibu Bapa

Kajian ini dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat khususnya ibu bapa tentang manfaat yang diperolehi daripada Video Penceritaan Digital. Video-video yang ditonton oleh murid-murid disertakan dengan unsur nilai murni dan mesej yang baik agar dapat membantu amalan yang baik kepada murid-murid. Video ini juga berpandukan tema dalam rancangan pengajaran tahunan dan DSKP bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun Empat.

Selain itu, ibu bapa dapat menyediakan bahan-bahan digital seperti Video Penceritaan Digital kepada anak-anak supaya dapat membina kognitif anak-anak

secara semulajadi. Ibu bapa yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi terutama sekali dalam pembinaan video seperti Video Penceritaan Digital juga boleh bekerjasama dan membantu pihak sekolah untuk memperluaskan penggunaan video tersebut. Oleh itu, penglibatan ibu bapa dalam aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah juga perlu diperluaskan supaya kemenjadian anak-anak dapat direalisasikan.

1.11 Rumusan

Bab ini telah menjelaskan secara keseluruhan mengenai latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual kajian, definisi operasional, batasan kajian dan kepentingan kajian bagi setiap pembolehubah yang terlibat dalam kajian ini. Penjelasan yang mendalam mengenai subtopik yang berkaitan dapat memberikan kefahaman mengenai mengapa kajian ini perlu dijalankan.